

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

Oktober 1994

PDP 402 - Perspektif Sosial Dalam Pendidikan Di Malaysia

Masa: [3 jam]

Arahan: Jawab (4) EMPAT soalan sahaja. Tiap-tiap soalan membawa markah yang sama.

Jawapan perlulah dilengkapkan dengan contoh dan data.

SOALAN 1

"Dari segi perspektif sejarah, perbezaan etnik di kalangan masyarakat Tanah Melayu bukan sahaja berhubung dengan demografik dan pemencilan budaya, tetapi melampaui perbezaan pendidikan dan pekerjaan".

Apakah penjelasan yang dapat anda berikan untuk menerangkan perkembangan masyarakat dan sistem pendidikan di zaman sebelum kemerdekaan, dan kesannya selepas kemerdekaan.

SOALAN 2

"Laporan Razak 1956 adalah merupakan permulaan dalam anjakan daripada sistem pendidikan yang berasaskan etnik kepada sistem pendidikan yang benar-benar bercorak sistem pendidikan kebangsaan".

Jelaskan pendapat ini, dan nyatakan kemajuan dan masalah yang dihadapi.

SOALAN 3

Laporan keciciran 1973 antara lain telah mengaitkan interaksi faktor-faktor psikologi, sosiologi, persekitaran sosial dan sosioekonomi dengan kadar enrolmen, keciciran, dan secara tidak langsung pencapaian akademik.

Jelaskan pandangan ini bagi menunjukkan perkembangan masyarakat dan kemajuan pendidikan pada tahun-tahun 1960an dan 1970an. Apakah tindakan-tindakan yang diambil.

....2/-

SOALAN 4

"Fungsi utama Falsafah Pendidikan Negara adalah sebagai penyatu, penyelaras dan penghimpun bagi berbagai-bagai aspek pendidikan yang diistilahkan sebagai pengalaman, aktiviti, pengajaran-pemelajaran, individu, masyarakat, sistem, nilai dan sebagainya. Falsafah Pendidikan ini diibaratkan sebagai benang yang menjalin manik-manik sehingga ia menjadi satu kesatuan iaitu kalong".

Bincangkan pandangan ini dengan merujuk kepada pembentukkan identiti bangsa.

SOALAN 5

"Kepesatan perkembangan ekonomi dan sosial negara dan antarabangsa menuntut penilaian dan penentuan semula struktur dan peranan sistem pendidikan secara menyeluruh. Ia bertujuan bukan sahaja perlu melahirkan lebih banyak tenaga profesional, tetapi juga perlu melahirkan kumpulan yang berkemahiran manipulatif dan berfikiran tinggi".

Apakah penjelasan anda tentang pandangan ini? Bagaimanakah input pendidikan dalam perkembangan negara pada abad 21.

--- ooooo000oooo --- /